



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 22 Februari 2022	
1	Perak sedia bantu program pembiakan seladang elak spisies itu pupus

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSI**

Perak sedia bantu program pembiakan seladang elak spesies itu pupus

IPOH - Kerajaan Perak sedia membantu usaha membiakkan seladang liar yang kini diancam kepupusan.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menghalang populasi haiwan terus berkurangan.

Menurutnya, haiwan tersebut kini memang sukar ditemui di dalam hutan dan hanya boleh dilihat secara dekat di dalam zoo seperti di Zoo Taiping & Night

Safari (ZTNS).

"Kita berbincang dengan Perhilitan dan JPV bagaimana untuk menghalang populasi itu daripada terus hilang kerana haiwan ini adalah antara tarikan penting kepada pelancong.

"Walaupun usaha ini bukan mudah namun kita akan usahakan untuk berbincang bagaimana untuk melakukannya," katanya di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Saarani berkata, usaha kini perlu digerakkan



SAARANI

bagi mengenal pasti lokasi yang masih terdapat haiwan tersebut serta habitat sesuai untuk haiwan tersebut dibiakkan.

Laporan *Sinar Harian* pada Ahad menyatakan bahawa spesies lembu liar itu kini berada dalam keadaan terancam dan akan pupus sepenuhnya jika tiada usaha yang serius dilakukan untuk menyelamatkannya.

Jumlah seladang liar kini dianggarkan sekitar beberapa ratus ekor sahaja dan hanya boleh

dijumpai di kawasan utara Semenanjung Malaysia dalam beberapa kelompok kecil yang terpisah dan tidak dapat bertemu untuk membiak.

ZTNS sebelum ini juga telah menggerakkan program pembiakan seladang sejak 1998 dalam usaha melindungi populasi spesies terancam itu.

Pengarahnya, Dr Kevin Lazarus berkata, program dengan kerjasama Perhilitan itu berjaya membiakkan enam ekor anak seladang.

Menurutnya, sebahagian daripada anak seladang berkenaan



Laporan Sinar Harian pada Ahad.

ditempatkan di beberapa zoo di negara ini di bawah program pembiakan khas.